

# Insurans Peralatan Elektronik

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih Insurans Peralatan Elektronik. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.



**TOKIO MARINE**  
INSURANCE GROUP

## NOTIS PENTING

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad atau PIDM (lari www.pidm.gov.my).

## 1. Apakah produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan untuk komputer dan peralatan elektronik samada sedang digunakan atau pegun atau dibuka untuk tujuan pembersihan, baik pulih atau semasa perpindahan dalam premis.

## 2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

- **Seksyen I - Kerosakan Material (KM)**  
Melindungi semua pemasangan alatan logam termasuk peralatan dan aksesori sampingan.
- **Seksyen II - Data Media Luaran (DML)**  
Melindungi data media seperti cakera, pita luaran di dalam sistem komputer.
- **Seksyen III - Menaikkan kos kerja (MKK)**  
Menyediakan gantirugi untuk kenaikan kos kerja berikutan kehilangan atau kerosakan bahan dengan tanggungan kos upah peralatan lain.

Tempoh perlindungan ialah selama satu tahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada risiko pendedahan dan keperluan pengunderaitan pihak kami :

Jumlah diinsuranskan : RM \_\_\_\_\_

Kadar dikenakan : \_\_\_\_\_ %

Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_

## 4. Apakah yuran dan bayaran yang saya perlu bayar?

- Cukai Perkhidmatan : 8%
- Duti setem : RM10.00
- Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada) : 15% daripada premium atau RM \_\_\_\_\_

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan - anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.
- Anda mestilah memastikan harta benda anda telah diinsuranskan pada jumlah sewajarnya seperti berikut :

**Seksyen I** - Jumlah yang telah diinsuranskan hendaklah sama dengan kos penggantian barang baru yang serupa dan sama kapasiti termasuk kos penggantian contoh: kos kargo, duti kastam dan sebagainya.

Asas tanggungan rugi untuk Seksyen I - Sekiranya barang yang telah diinsuranskan boleh diperbaiki, pihak kami akan membayar perbelanjaan yang dikenakan untuk pemberian semula kepada kegunaan asalnya pada kerosakan barang dan perkhidmatan berikutnya.

**Seksyen II** - Jumlah yang diinsuranskan adalah amaun yang diperlukan untuk pengisian semula data media luaran dengan menggantikan data media yang baru dan pengisian semula data yang hilang.

Asas Tanggungan rugi untuk Seksyen II - Pihak kami akan membayar sebarang perbelanjaan yang telah terbukti dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kejadian atas sebab-sebab pengisian semula data media luaran. Jika pengisian semula data dijalankan dalam tempoh 12 bulan, kami hanya membayar kepada anda perbelanjaan terbabit untuk penggantian kerugian atau kerosakan data media mereka dengan bahan baru.

**Seksyen III** - Jumlah yang diinsuranskan adalah amaun yang diperlukan untuk membayar kenaikan kos menggunakan EDP gentian untuk tempoh 12 bulan.

Asas Tanggungan rugi untuk Seksyen III - Kami akan membayar kenaikan kos yang terbukti dibelanjakan dalam tempoh di mana penggunaan EDP gentian adalah perlu, tetapi tidak tertakluk kepada tempoh maksima tanggung rugi yang dipersetujui.

- Syarat sumbangan - sekiranya pada masa itu sebarang tuntutan yang timbul di bawah polisi ini, dimana terdapat insurans terhadap kehilangan, kerosakan dan liabiliti, maka kami tidak akan bertanggungan untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada bahagian keadaan mana-mana tuntutan tersebut serta kos dan perbelanjaan yang berkaitan dengannya.

## **6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti:

- Perang, Peperangan awam dan sebarang perlakuan keganasan.
- Risiko radioaktif dan tenaga nuklear
- Perlakuan sengaja dan kecuaian sengaja
- Kehausan dan keusangan
- Tanggungjawab kontraktor, pembekal dan
- Failure or interruption of gas, water or electricity services
- Kerosakan aesthetic
- Kerugian turutan dan sebarang liabiliti

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

## **7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?**

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minima yang ditahan oleh pihak kami. Tiada pemulangan premium yang dibenarkan jika timbulnya tuntutan di bawah polisi ini.

## **8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menjurut dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

## **9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Insurans Kerosakan Jentera atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di [www.tokiomarine.com](http://www.tokiomarine.com)

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad  
Level 20, Menara Hap Seng 3,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee,  
50250 Kuala Lumpur.

Customer Service Hotline: 1800 88 0812  
Email: [letusknow@tokiomarine.com.my](mailto:letusknow@tokiomarine.com.my)

## **10. Lain-lain jenis perlindungan Insurans Am yang disediakan**

- Tiada

### **NOTA PENTING**

Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi terus kami untuk keterangan lanjut.

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01/03/2024